



PERSATUAN MEMANAH DAERAH KUANTAN (D-PHG-13532)

No. 18, Lorong 4, Taman Seri Inderapura,
Jalan Kuantan-Pekan,
25150 Kuantan,
Pahang Darul Makmur.

☎ 019-3857570 (Setiausaha) ✉ pmdkpahang@gmail.com

No. Rujukan : 2025/1/KAJ/02
Tarikh : 30 Januari 2025

Kepada sesiapa yang berkenaan.

Tuan,

KURSUS ASAS KEJURULATIHAN MEMANAH SIRI 2 2025

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Persatuan Memanah Daerah dengan kerjasama Persatuan Memanah Negeri Pahang dan Kolej Komuniti Paya Besar berhajat menganjurkan Kursus Asas Kejurulatihan Memanah seperti yang berikut:-

Nama Program : Kursus Asas Kejurulatihan Memanah
Tarikh : 19 hingga 20 April 2025
Tempat : Kolej Komuniti Paya Besar, Gambang Kuantan Pahang

3. Matlamat kursus ini adalah untuk memberi pendedahan dan pengetahuan asas sebagai jurulatih memanah. Penganjuran kursus ini diiktiraf oleh Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia (NAAM) yang akan melayakkan peserta untuk mengikuti Kursus Kejurulatihan Memanah Tahap 1.

4. Sehubungan dengan itu, kami menjemput guru-guru, tenaga pengajar sukan memanah dan penggiat sukan memanah di negeri Pahang untuk bersama-sama menyertai kursus ini.

5. Untuk sebarang pertanyaan, pihak YBhg Datuk/Dato'/tuan /puan boleh hubungi En Fauzy Bin Musa, Naib Presiden Persatuan Memanah Daerah Kuantan di nombor 019-6912529 .
Pendaftaran peserta adalah melalui system MAREOS (<https://mareos.masarchery.org>)

6. Segala perhatian dan kerjasama dari pihak YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“Majulah Sukan Untuk Negara”

Saya yang menjalankan amanah,

FAUZY

(FAUZY BIN MUSA)

Naib Presiden

Persatuan Memanah Daerah Kuantan



فرساتوان ممانه دايره كوانتن

PERSATUAN MEMANAH DAERAH KUANTAN (D-PHG-13532)

No. 18, Lorong 4, Taman Seri Inderapura,
Jalan Kuantan-Pekan,
25150 Kuantan,
Pahang Darul Makmur.

☎ 019-3857570 (Setiausaha) ✉ pmdkpahang@gmail.com

KURSUS ASAS KEJURULATIHAN MEMANAH

SIRI 2 2025



Info:

Tarikh: - 19 hingga 20 April 2025

Tempat:- Kolej Komuniti Paya
Besar, Kuantan Pahang

Yuran:- RM 250/peserta



CONTACT US:

019-6912529 - Fauzy
Persatuan Memanah Daerah
Kuantan

To learn more, visit us on Facebook -
Persatuan Memanah Daerah Kuantan



PERSATUAN MEMANAH DAERAH KUANTAN (D-PHG-13532)

No. 18, Lorong 4, Taman Seri Inderapura,
Jalan Kuantan-Pekan,
25150 Kuantan,
Pahang Darul Makmur.

☎ 019-3857570 (Setiausaha) ✉ pmdkpahang@gmail.com

MAKLUMAT KURSUS

- Tarikh** : 19 hingga 20 April 2025 - Hari Sabu hingga Ahad
- Masa** : 8.30 pagi hingga 5.00 petang
- Tempat** : Kolej Komuniti Paya Besar, Gambang Kuantan Pahang
- Tarikh buka MAREOS** : 20 Februari 2025
- Tarikh tutup** : 1 April 2025
- Penganjur** : Persatuan Memanah Negeri Pahang
- Jadual** : **Tarikh : 19 April 2025 - Hari Sabtu**

8.30 - 9.00 pg	- Pendaftaran
9.00 - 10.00 pg	- Pengenalan Sukan Memanah
10.00 - 10.30 pg	- Minum pagi
10.30 pg - 12.00 tgh	- Asas Peraturan Memanah
12.00 tgh - 2.00 ptg	- Rehat
2.00 - 3.30 ptg	- Asas Kejurulatihan
3.30 - 4.30 ptg	- Kod Sukan Selamat
4.30 - 5.00 ptg	- Sesi Soal Jawab

Tarikh : 20 April 2025 - Hari Ahad

8.30 - 10.00 pg	- Pengenalan Peralatan Memanah
10.00 - 10.30 pg	- Minum pagi
10.30 pg - 12.00 tgh	- Teknik Asas Memanah
12.00 tgh - 2.00 ptg	- Rehat
2.00 - 4.00 ptg	- Latihan Praktikal - Padang
4.00 - 5.00 ptg	- Majlis Penutup

Yuran kursus : RM 250.00 / seorang

Maklumat bayaran : Melalui MAREOS
Rujukan : Sila masukkan nama peserta

Penginapan : Tidak disediakan

Kelayakan peserta : 1. Peserta perlulah berumur 18 tahun dan ke atas pada tahun semasa.
2. Terbuka kepada semua individu yang berminat dalam bidang



PERSATUAN MEMANAH DAERAH KUANTAN (D-PHG-13532)

No. 18, Lorong 4, Taman Seri Inderapura,
Jalan Kuantan-Pekan,
25150 Kuantan,
Pahang Darul Makmur.

☎ 019-3857570 (Setiausaha) ✉ pmdkpahang@gmail.com

kejurulatihan dan sukan memanah.

3. Pendaftaran perlulah dilakukan dengan menggunakan sistem MAREOS (<https://mareos.masarchery.org>) sahaja.

Tanggungjawab peserta :

1. Segala perbelanjaan, penginapan, pengangkutan, makan minum dan alat tulis semasa kursus adalah tanggungan peserta sendiri KECUALI dimaklumkan oleh pihak penganjur.
2. Sebarang kehilangan harta benda atau kemalangan yang berlaku pada sebelum, semasa dan selepas kursus adalah di bawah tanggungjawab peserta sendiri dan pihak NAAM atau penganjur TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB di atas kehilangan atau kemalangan yang berlaku.
3. Peserta dinasihatkan dan digalakkan mempunyai insuran peribadi sebagai jaminan jika berlakunya kemalangan sepanjang waktu kursus.
4. Semua peserta kursus haruslah berpakaian SUKAN, kemas dan tidak menjolok mata.
5. Berpakaian seperti berseluar pendek, baju tidak berlengan dan berkasut tumit tinggi (bagi wanita) adalah TIDAK DIBENARKAN.
6. Semua peserta DIWAJIBKAN berkasut sukan sepanjang kursus berlangsung.
7. Semua peserta DIWAJIBKAN untuk membawa peralatan memanah sendiri.
8. Yuran telah dijelaskan sepenuhnya semasa hari pendaftaran (hari pertama kursus).

Tanggungan :

Tidak ada mana-mana individu atau entiti termasuk penceramah yang hadir yang dibenarkan untuk merakam dan / atau menyiarkan secara elektronik sebarang bahagian acara tanpa persetujuan bertulis daripada Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia (NAAM). Rakaman yang tidak sah, antaranya termasuk dan tidak terhad kepada audio, video dan gambar semasa mana-mana sesi ceramah, poster, dan / atau bengkel yang dikendalikan oleh NAAM adalah dilarang sama sekali kecuali dengan kelulusan bertulis NAAM. Peserta dan / atau penceramah yang tidak mematuhi arahan mungkin diminta meninggalkan premis tersebut.